

▼03/05/17-46MST

CNS4277

R PB 03-05 00168 BA080

bah

USNO - Komen

USNO TIDAK TERKEJUT KEPUTUSAN SINGKIR DARIPADA BN

KOTA KINABALU, 3 Mei (Bernama) -- USNO sudah menjangka keputusan Barisan Nasional (BN) untuk menyingkirnya daripada gabungan itu.

Penolong Setiausaha Agung USNO Haji Naser Mohd Noor berkata beliau tidak terkejut malah memang sudah menjangka parti itu akan disingkir.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak mahu mengulas lanjut sebelum menerima surat rasmi daripada BN berhubung penyingkiran itu.

Katanya, Presiden parti Datu Amirkahar Tun Mustapha juga mahu menunggu surat rasmi itu sebelum membuat ulasan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN pagi tadi berkata di Jitra, Kedah bahawa USNO telah disingkirkan daripada BN setelah semua parti komponen BN bersetuju untuk menyingkirkannya ekoran tindakannya membebtuk kerajaan campuran dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) di Sabah.

Dr Mahathir juga berkata enam anggota Dewan Undangan Negeri Sabah daripada USNO yang kini menyertai UMNO tidak perlu menjawab surat tunjuk sebab kepada USNO bagi menentukan kedudukan mereka. -- Lagi.

▼03/05/18-16MST

R PB 03-05 00150 BA081

bah

USNO - Komen 2 Kota Kinabalu

Mengenai perkara itu, Naser berkata enam wakil rakyat itu perlu menjawab surat berkenaan sebagai mematuhi peraturan Perlembagaan parti dan Pendaftar Pertubuhan.

"Kami tidak mempersoalkan penyertaan mereka dalam UMNO. Tetapi adalah menjadi tanggungjawab mereka memaklumkan kepada USNO bahawa mereka tidak lagi menjadi ahli USNO bagi membolehkan USNO memaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri," katanya.

Beliau berkata resolusi mesyuarat agung USNO semasa mempersetujui kemasukan UMNO ke Sabah hanya menyebut bahawa anggota USNO digalakkan menyertai UMNO dan bukannya secara automatik menjadi anggota UMNO.

Mesyuarat Majlis Tertinggi USNO Jumaat lepas memutuskan untuk menghantar surat kepada enam bekas ADUN dari USNO itu untuk menjelaskan kedudukan mereka dalam tempoh dua minggu.

Naser berkata jika wakil rakyat berkenaan tidak menjawab surat itu dalam tempoh dua minggu, Lembaga Tatatertib USNO akan memaklumkan kedudukan mereka kepada Dewan Undangan Negeri. -- Lagi.

▼03/05/18-18MST

CNS4283

R PB 03-05 00070 BA082

bah

USNO - Komen 3 (Akhir) Kota Kinabalu

"Dewan Undangan Negeri perlu dimaklumkan mengenai kedudukan mereka bagi membolehkan Dewan membuat penyusunan semula kerusi," katanya.

Enam wakil rakyat itu ialah Dayang Mahani Tun Raffae (Lumadan), Karim Bujang (Bongawan), Hajiji Mohd Nor (Sulaman), Aklee Abas (Sukau), Naser Tan Sri Sakaran (Sulabayan) dan Datu Ismail Datu Jook (Balung). -- Bernama
MOK AHH NM.